

# Dolar kian 'tenat': Dr Mahathir

BH - 30/3/2005: B3

Laporan Mohd Azlan Jaafar,  
Lichong Angkui, Amirullah Andi  
Nur dan Syffian A Bakar

TUN Dr Mahathir Mohamad berkata dolar Amerika Syarikat (AS) menuju keruntuhan berikutan penyusutan berterusan nilainya serta tiada kemahuan pentadbiran negara itu menangani hutang luarnya yang melebihi AS\$7 trilion.

Bekas Perdana Menteri berkata, persoalan kini bukan sama ada mata wang kuasa besar ekonomi dunia itu akan runtuh tetapi bila ia akan runtuh.

"Jika anda menolak dolar AS sebagai mata wang perdagangan, ia akan runtuh. Apa yang pasti ia sedang menuju keruntuhan.

"AS berhutang dengan dunia sebanyak AS\$7 trilion, itu pada 2003 dan kini jumlah itu pasti lebih tinggi. Apabila sebuah negara mempunyai hutang sebanyak itu, ia bermakna mata wang itu tidak disokong," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog selepas menyampaikan ucapan bertajuk "Kepemimpinan pada era tidak menentu - Kesan kejadian global dan perniagaan" sempena Persidangan Ketua Eksekutif Antarabangsa 2005 (ICC 2005) di Kota Kinabalu, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, dan isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Persidangan dua hari anjuran Kerajaan Sabah menerusi Yayasan Sabah, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang diwakili Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, kelmarin.

Persidangan itu bagi membincangkan cabaran yang bakal diha-

dapi ketua eksekutif syarikat dalam menghadapi persaingan global serta ketidaktentuan pasaran dunia.

Ya dihadiri lebih 650 peserta dari 30 negara.

Dr Mahathir berkata, penyusutan nilai dolar akan berterusan berikutan pentadbiran Presiden George W Bush yang menyifatkan defisit itu tidak perlu dikurangkan.

"Bencana akan datang satu hari nanti kerana ekonomi paling besar di dunia tidak mampu membayar hutang sebanyak AS\$7 trilion.

"Kebimbangan lebih kepada bila dan bukan sama ada ia akan runtuh," katanya.

Ketika sesi dialog itu, beliau berkata, mata wang AS sudah terbukti tidak stabil kerana ia sudah menyusut kira-kira 50 peratus berbanding euro dan mata wang lain.

"Apabila kita dibayar dalam dolar AS, kita dibayar lebih rendah berbanding nilai sebenar kerana nilainya sudah susut lebih 50 peratus.

"Jika anda tidak mahu ditipu, anda harus minta dibayar dalam mata wang yang lebih kukuh contohnya bersamaan euro dan bukan dalam dolar AS," katanya.

Pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir yang diminta mengulas sama ada kerajaan di seluruh dunia harus menolak dolar berikutan penyusutan berterusan nilainya itu, berkata ia terpulung kepada kerajaan masing-masing.

"Saya sudah mengkaji pergerakan dolar AS dan selagi mereka tidak menukar Presiden dan mempunyai Presiden yang mahu mengurangkan defisit, mereka akan menghadapi masalah serius.

"Malah ketika ini ada bank pusat di seluruh dunia mengurangkan pegangan dalam dolar AS," katanya.

Beliau juga percaya Malaysia su-



DR MAHATHIR bersalaman dengan sebahagian penceramah sebaik tiba pada majlis perasmian penutupan Persidangan Ketua Eksekutif Antarabangsa (ICC 2005) di Kota Kinabalu, semalam.

dah mengalihkan pegangan kepada mata wang asing berbanding dolar AS.

"Saya percaya Malaysia beralih kepada mata wang negara lain kerana dalam tempoh setahun, rizab Malaysia meningkat daripada AS\$32 bilion kepada lebih AS\$70 bilion. Itu lebih sekali ganda," katanya sambil menambah, peningkatan itu disebabkan pegangan dalam mata wang lain yang mengukuh berbanding dolar AS.

"Ya (kenaikan rizab itu) mungkin disebabkan perdagangan tetapi untuk menggandakan rizab daripada AS\$32 bilion kepada AS\$70 bilion dalam tempoh yang begitu singkat tidak mungkin disebabkan pencapaian ekonomi," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Penasihat Petronas bersetuju sudah tiba masanya syarikat minyak nasional itu meninjau kemungkinan mewujudkan aktiviti hiliran sektor

minyak dan gas di Sabah berikutan penemuan telaga dan sumber baru.

"Saya yakin apabila kajian mendapatinya berfaedah dan menguntungkan Petronas, ia akan mewujudkan lebih banyak kegiatan hiliran di Sabah.

"Saya tahu bila Petronas membuat keputusan itu, Kerajaan Sabah akan memberi kerjasama penuh membabitkan tanah dan infrastruktur perlu bagi menjayakan aktiviti ini," katanya.